



# KENYATAAN AKHBAR

## UNTUK SIARAN SEGERA

### **Sesi Taklimat Beri Ruang Interaksi Antara MITI dan PKS Bumiputera**

**Shah Alam, 29 September 2016** – Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Datuk Ahmad Maslan mengadakan Sesi Taklimat Umum hari ini untuk berkongsi aspirasi Kerajaan di dalam memastikan keterlibatan PKS Bumiputera di dalam proses pembangunan negara. Sesi Taklimat Umum yang dikendalikan oleh MITI dan SME Corp. Malaysia ini telah dihadiri oleh 400 orang peserta terdiri daripada ahli persatuan industri dan dewan perniagaan Bumiputera di Wilayah Tengah dan agensi-agensi MITI.

Memandangkan PKS Bumiputera di Wilayah Tengah merangkumi 30% daripada jumlah keseluruhan PKS di negara ini, beliau menekankan tentang kepentingan PKS Bumiputera untuk menyertai dan mendapat manfaat daripada pelbagai program yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Merujuk kepada program pembangunan PKS Bumiputera yang sedang giat berjalan, para peserta telah dimaklumkan berkenaan peruntukan RM1.2 billion yang disalurkan oleh Kerajaan kepada 13 Kementerian dan 3 Agensi untuk melaksanakan 78 program bagi PKS Bumiputera. Kesemua program ini telah dirangka dan dilaksanakan untuk memastikan PKS Bumiputera tidak ketinggalan.

Untuk mengukuhkan prospek jangka panjang PKS, Datuk Ahmad Maslan turut menggalakkan PKS untuk terus peka dengan perkembangan terkini dunia keusahawanan terutamanya inisiatif dan bantuan yang diperkenalkan oleh Kerajaan. Selain itu, beliau juga amat berharap agar lebih banyak PKS di negeri ini mengeksport produk dan perkhidmatan mereka melalui pelbagai program sokongan yang disediakan

sekaligus meningkatkan nilai eksport PKS Bumiputera yang mencatatkan jumlah RM45.9 billion pada tahun 2014.

Sesi taklimat ini juga membincangkan tentang kandungan Rang Undang-Undang PKS Kebangsaan 2016 yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada akhir tahun ini. Melalui Akta ini, rangka kerja pembangunan PKS yang sedia ada akan diperkuuhkan ke arah mencapai 41% sumbangan KDNK PKS pada tahun 2020. YB Datuk Ahmad Maslan juga turut berkongsi dengan para peserta tentang perkembangan terkini program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE), Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP), Galakan Eksport Bumiputera (GEB) dan Local Global Corporations (LGC) Ascend 800 di bawah MITI dan SME Corp. Malaysia khusus untuk PKS Bumiputera.

Pada hari yang sama, YB Datuk Ahmad Maslan bersama-sama dengan YBhg. Datuk (Dr.) Hafsa Hashim, Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia turut membuat lawatan rasmi ke Sukimi Lube (M) Sdn Bhd bagi melihat sendiri perkembangan terkini syarikat ini yang banyak mendapat bimbingan dan bantuan oleh agensi Kerajaan terutamanya SME Corp. Malaysia. Di samping lawatan rasmi ini, YB Datuk Ahmad Maslan juga turut melancarkan produk baru keluaran Sukimi Lube, Glide Lubricant. Ketua Eksekutifnya, YBhg. Dato' Muhamzli memaklumkan yang produk baru keluaran Sukimi Lube ini merupakan minyak pelincir serbaguna yang bergred tinggi yang diformulasikan untuk kelancaran enjin kenderaan petrol dan diesel, minyak motosikal, minyak transmisi dan juga untuk kegunaan industri terutamanya di dalam sektor marin. Sukimi Lube merupakan salah satu syarikat penerima Anugerah Enterpris 50 dan telah diiktiraf di bawah Pensijilan *National Mark of Malaysian Brand* anjuran SME Corp. Malaysia yang melambangkan Kualiti, Kecemerlangan dan Keunggulan jenama produk dan perkhidmatan syarikat tempatan.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Cik Amy Sarah Ahmad Fuad di 03-2775 6352 ([amysarah@smecorp.gov.my](mailto:amysarah@smecorp.gov.my)) atau Ahmad Mu'izz Mohd Yusof di 03-2775 6275 ([muizzyusof@smecorp.gov.my](mailto:muizzyusof@smecorp.gov.my)).

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)

Level 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia

Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

<http://www.smecorp.gov.my>

e-mail: [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)

### **SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.